



Headline: Guru rugi RM205,000 kena tipu Macau Scam
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 30 April 2020

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 21

Guru rugi RM205,000 kena tipu Macau Scam

Kepala Batas: Seorang guru wanita kerugian RM205,000 selepas ditipu sindiket Macau Scam yang mendakwa maklumat peribadi mangsa digunakan untuk pendaftaran bagi kegiatan perjudian dalam talian, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisyoner Noorzainy Mohd Noor, berkata mangsa berusia 39 tahun itu menerima panggilan telefon Ahad lalu daripada seorang wanita memperkenalkan diri sebagai anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan dan memaklumkan maklumat peribadinya digunakan untuk pendaftaran talian terbabit.

Beliau berkata, panggilan itu kemudiannya disambungkan kepada seorang lelaki yang mengaku sebagai pegawai polis berpangkat Inspektor dan memaklumkan mangsa mempunyai wajaran tangkap sebelum memintanya supaya membuka satu



Noorzainy Mohd Noor

akaun bank.

“Suspek turut mengarahkan mangsa mendaftarkan nombor telefon bimbit kepunyaannya (suspek) kononnya untuk memantau serta memudahkan dia memindahkan semua wang simpanan mangsa ke akaun berkenaan supaya tidak dibekukan,” katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Noorzainy berkata, suspek juga memberitahu mangsa bahawa kes itu perlu diselesaikan segera

dan mengugut sekiranya tidak berbuat demikian wanita itu akan ditangkap.

“Sebelum menerima panggilan itu, mangsa sememangnya sudah membuat pinjaman peribadi berjumlah RM205,000 daripada dua bank pada dua minggu lalu, dan pinjaman terbabit diluluskan dan dikreditkan ke dalam akaun mangsa Isnin lalu.

“Guru itu kemudiannya memindahkan semua wang berkenaan ke dalam akaun baharu yang dibukanya menggunakan butiran nombor telefon lelaki yang mengaku pegawai polis terbabit kerana suspek mengarahkannya berbuat demikian.

“Bagaimanapun, mangsa mendapati baki wang dalam akaun bank yang baru dibuka itu tiada selepas menyemaknya, sebelum membuat laporan polis semalam (kelmarin) selepas gagal menghubungi suspek,” katanya.

BERNAMA